



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN
Aras 3-6, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 3000
Faks : 03-8889 2176
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA(I)S.175/22/1 Klt.5 (18)
Tarikh : 9 April 2012

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan/Perkhidmatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAWAAN KEMUDAHAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SESI 2013 UNTUK
PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI
PERINGKAT SARJANA DAN KEDOKTORAN (Ph.D)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita Jabatan ini mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengemukakan pencalonan dari kalangan pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memohon kemudahan penajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Sesi 2013 bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Kedoktoran (Ph.D).

3. Pelawaan ini tidak meliputi Kementerian/Jabatan/Agensi yang mempunyai peruntukan untuk mengendalikan kursus Pasca Ijazah atau agensi yang mempunyai badan penaja yang lain. Antara Kementerian/Jabatan/Agensi yang dimaksudkan ialah **Kementerian Pelajaran Malaysia** (bagi **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan**), **Kementerian Pertahanan Malaysia** (bagi **Pegawai Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia**), **Kementerian Kesihatan Malaysia** (bagi **Pegawai Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan**), **Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia** (bagi **Pensyarah Universiti dan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi**) dan Agensi/Badan Berkanun yang telah diswastakan /dikorporatkan/ diasingkan sistem saraannya.

4. Bagi permohonan HLP sesi kali ini, **urusan temuduga untuk calon-calon Perkhidmatan Gunasama dan Bukan Gunasama di peringkat pengajian Kedoktoran (Ph.D) dan Sarjana akan dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI), JPA.** Penawaran dibuka mengikut tarikh-tarikh berasaskan perkhidmatan-perkhidmatan berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH
1	Permohonan secara dalam talian	9 April 2012 sehingga 30 April 2012
2	Tarikh tutup pencalonan daripada Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan - Pegawai Perkhidmatan Gunasama - Pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama	7 Mei 2012 14 Mei 2012
3	Semakan panggilan ke sesi temuduga melalui portal JPA www.jpa.gov.my atau http://esilav2.jpa.gov.my	25 – 27 Jun 2012
4	Semakan keputusan melalui portal JPA www.jpa.gov.my atau http://esilav2.jpa.gov.my	16 Ogos 2012

5. Butir-butir syarat dan kriteria, tatacara permohonan dan tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah seperti di **LAMPIRAN** berkaitan. Kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' MOHD TAJUDIN BIN DON)
Pengarah
Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA